

20 OCT 2002

Ling-Inggeris

DR LING TIDAK MAHU BINCANG ISU PENDIRIAN MCA DALAM MEDIA

PULAU PINANG, 20 Okt (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengulangi pendiriannya untuk tidak membincangkan secara umum pendirian parti itu berhubung cadangan kerajaan menggunakan Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua jenis sekolah rendah.

Katanya beliau tetap dengan pendiriannya untuk tidak membincangkan perkara itu secara terbuka lebih-lebih lagi melalui media massa kerana tidak mahu perkara itu menjadi isu politik dan membangkitkan emosi mana-mana pihak.

Beliau berkata MCA lebih suka perkara itu diadili dari sudut akademik, pendidikan dan secara intelektual.

"Saya selalu katakan bahawa saya tidak akan membincangkan perkara ini secara umum dan saya tetap dengan pendirian ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam anjuran MCA Bahagian Bayan Baru, di sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyatakan Jawatankuasa Pusat MCA sebulat suara memutuskan untuk menentang cadangan kerajaan menggunakan Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua sekolah rendah termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina mulai tahun depan.

Menurut laporan itu badan pembuat keputusan tertinggi parti itu telah menyatakan pendirian paling jelas kelmarin, empat hari sebelum Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) mengadakan mesyuaratnya pada Selasa ini.

Ketika ditanya sama ada MCA akan membawa perkara itu pada mesyuarat Tertinggi BN, Dr Ling berkata parti itu akan membentangkan pendiriannya jika isu itu terdapat dalam agenda mesyuarat.

Dr Ling juga tidak mahu mengulas sama ada laporan akhbar itu betul ataupun tidak dan secara berterusan menyatakan bahawa beliau tidak mahu membincangkan perkara ini di dalam akhbar.

Jawapan yang sama turut diberi apabila ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara ini.

"Saya tidak mahu membincangkan perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

ZU NAK